

20 APR 2003

SARS-Johor

SARS GUGAT PROMOSI TAHUN MELAWAT JOHOR, KATA GHANI

KUANTAN, 20 April (Bernama) -- Menteri Besar Johor Datuk Abdul Ghani Othman berkata wabak Sindrom Pernafasan Akut Yang Teruk (SARS) telah memberi kesan buruk kepada program Melawat Johor 2003.

Bagaimanapun beliau berkata industri perhotelan di negeri itu masih bertahan berbanding penurunan pelancong yang menginap di hotel-hotel di seluruh negara.

"Memang ada kesan terutama sekali seminar ada yang ditangguhkan, seminar yang besar-besar ditangguhkan, restoren, tempat makan terjejas, dan gedung beli belah juga terjejas..," katanya kepada pemberita selepas merasmikan mesyuarat perwakilan Umno Bahagian Paya Besar di sini, hari ini.

Turut hadir ialah Menteri Perpaduan Negara dan Pembangunan Masyarakat Datuk Dr Siti Zaharah Sulaiman yang juga Anggota Parlimen Paya Besar.

"Kita lihat satu petunjuk ialah kadar penginapan hotel di seluruh Malaysia memang menurun tetapi di Johor masih bertahan, masih ada penginapan di Johor, mungkin rakyat Singapura yang bercuti di Johor," katanya.

Abdul Ghani berkata dalam menangani SARS, Kerajaan Negeri telah mengambil langkah sewajarnya untuk memastikan wabak itu tidak merebak ke negara ini dari negara jiran itu berikutan SARS dilaporkan makin membimbangkan di Singapura.

"Kita telahpun ambil langkah buat pemeriksaan di pintu masuk utama Johor, kita ada 100 kakitangan kesihatan untuk buat pemeriksaan terhadap sesiapa yang masuk ke Malaysia melalui Tambak Johor dan pemeriksaan ini dilakukan 24 jam," katanya.

Abdul Ghani berkata pada masa ini seramai 50,000 orang keluar masuk di Tambak Johor setiap hari terutamanya rakyat Singapura, dan Singapura juga dilihat telah mengambil pelbagai langkah untuk menangani SARS.

"Kita juga hargai apa yang dilakukan oleh Singapura, mereka adakan kuarantin dan pemeriksaan terperinci terhadap orang yang menghidap atau mereka yang ada kaitan dengan SARS (di Singapura)..," katanya.

Abdul Ghani berharap masalah SARS akan dapat ditangani segera bagi merencanakan kembali promosi Melawat Johor.

Ketika ditanya mengenai kenyataan Pemangku Presiden PAS yang juga Menteri Besar Terengganu Datuk Seri Abdul Hadi Awang dalam laporan sebuah akhbar hari ini yang sedia mempertahankan Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad jika kuasa asing cuba mencampuri urusan dalam negara ini, Abdul Ghani berkata;

"Kalau ada mana-mana pihak yang cuba mengganggu-gugat, saya pasti seluruh rakyat Malaysia akan menentang, bukan Hadi sahaja," katanya.

Terdahulu, Abdul Ghani ketika berucap pada majlis itu berkata anggota Umno di peringkat akar umbi adalah sumber kekuatan sebenar Umno.

"Anggota Umno di peringkat akar umbi adalah sehati dengan masyarakat dan oleh itu kita perlu sentiasa melibatkan diri dalam aktiviti kemasyarakatan, ekonomi, pendidikan, agama, kebudayaan dan sebagainya, dan sewajarnya tidak ada ruang lagi untuk parti lawan dalam masyarakat kita..," katanya.

-- BERNAMA

MS PR